

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Haluan dan faedah ekonomi serantau dihurai

KUALA LUMPUR, Jumaat — Para Menteri Ekonomi ASEAN hari ini mendengar huraian Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN (CCI) tentang haluan kerjasama sektor swasta dan kerajaan bagi faedah ekonomi serantau.

Pengerusi CCI ASEAN, Encik Anand Panayarachun memberikan huraian itu bagi pihak sektor swasta ASEAN buat kali pertama di hari kedua mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN ke-12.

Bellau memberitahu para pemberita bahawa CCI ASEAN telah memberikan pandangan mereka terhadap penyusunan semula lima buah jawatankuasa ekonomi kepada menteri-menteri berkenaan.

Ia juga memberikan cara-cara mengadakan kerjasama yang lebih rapat di antara sektor swasta ASEAN dan kerajaan di masa depan.

Bellau berkata, pandangan CCI ASEAN mengenai perjanjian-perjanjian usahasama perindustrian dan pembangunan ekonomi ASEAN pada masa akan datang telah juga dibentangkan kepada menteri-menteri itu.

Encik Anand berkata, sektor swasta perlu menyertai sepenuhnya sebarang usahasama projek-projek ekonomi ASEAN bagi memastikan kejayaannya.

Pandangan

CCI ASEAN sungguh puashati terhadap menteri-menteri ekonomi yang sanggup mendengar pandangan mereka dalam pelaksanaan projek-projek yang ada sekarang dan pelaksanaan projek-projek masa depan.

Bellau berkata, ini merupakan satu lembaran baru dalam hubungan kerjasama dan penyelarasan yang lebih rapat terhadap pandangan sektor swasta dan kerajaan.

Mengenai cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya ASEAN mengadakan pemasaran bersama, bellau berkata hasrat Perdana Menteri itu adalah sejajar dengan pandangan CCI ASEAN.

Satu laporan mengenai pandangan CCI ASEAN juga telah disampaikan kepada Menteri-menteri Ekonomi ASEAN.